

KEPENTINGAN KETERANGAN LISAN SAKSI DALAM PROSES PERBICARAAN MAHKAMAH SYARIAH: ANALISIS KES DAN PENGAPLIKASIAN UNDANG- UNDANG

THE IMPORTANCE OF ORAL TESTIMONY OF WITNESSES IN THE SYARIAH COURT TRIAL PROCESS: CASE ANALYSIS AND LEGAL APPLICATION

ⁱNoor Hafizah Anggu, ⁱⁱRidduan Naping, ⁱⁱⁱSuhaizad Saifuddin

^{i,iii}Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800,
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱFakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor,
Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: anggunoorhafizah@gmail.com

ABSTRACT

This paper examines the importance of oral testimony in the Syariah court trial process, focusing on two categories of witnesses: tainted witnesses who have familial relations with the parties and non-Muslim witnesses. The main issue frequently encountered in Syariah courts is the difficulty litigants face in producing witnesses who meet the *syahadah* standard as prescribed by Islamic law, which necessitates an assessment of the admissibility of *bayyinah* oral evidence as an alternative to ensure the smooth administration of justice. The main objective of this paper is to analyse the approaches and considerations of the Syariah Court in accepting testimony from these witnesses, as the admissibility of their evidence is often questioned by interested parties, while identifying the legal principles applied by the court. This study adopts a qualitative approach by reviewing Islamic legal sources and analysing relevant judicial decisions concerning the admissibility of oral testimony from these witnesses. Findings indicate that the Syariah courts carefully evaluate each case based on the principles of justice and *maslahah* while recognising a degree of flexibility in the acceptance of *bayyinah* when witnesses fulfilling the *syahadah* requirements cannot be presented. This study recommends legal amendment to be made, a more proactive role by Syariah legal practitioners in assessing and selecting witnesses, public empowerment through education and awareness programmes to eliminate misconceptions and the preservation of judges' judicial discretion in determining the admissibility of testimony from these witnesses. In conclusion, the Syariah courts adapt to social changes and do not discriminate against any witness based on kinship or religion.

Keywords: *Oral testimony, witness evidence, tainted witness, non-Muslim witness, bayyinah*

ABSTRAK

Penulisan ini meneliti kepentingan keterangan lisan saksi dalam proses perbicaraan di Mahkamah Syariah dengan memberi tumpuan kepada dua kategori saksi iaitu saksi tohmah yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan saksi bukan Islam. Isu utama yang lazim berlaku di Mahkamah Syariah ialah kesukaran pihak-pihak untuk mengemukakan saksi yang memenuhi tahap *syahadah* sebagaimana ditetapkan oleh hukum syarak sehinggakan wujud keperluan untuk mengkaji penerimaan keterangan lisan *bayyinah* sebagai alternatif bagi menjamin kelancaran proses keadilan. Objektif utama penulisan ini adalah untuk menganalisis pendekatan dan pertimbangan Mahkamah Syariah dalam menerima keterangan daripada kategori saksi ini ekoran kebolehterimaan kesaksian mereka sering dipersoalkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan, sekaligus mengenal pasti prinsip perundangan yang diaplikasikan oleh mahkamah. Penulisan ini bersifat kualitatif dengan meneliti sumber-sumber perundangan Islam termasuk analisis kes berkaitan penerimaan keterangan lisan saksi tohmah dan saksi bukan Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah secara berhati-hati menilai setiap kes berdasarkan prinsip keadilan dan masalah serta terdapat ruang fleksibiliti dalam penerimaan keterangan *bayyinah* apabila saksi yang memenuhi syarat *syahadah* tidak dapat dikemukakan. Kajian ini mencadangkan agar pindaan undang-undang dilakukan, peranan lebih proaktif daripada pengamal undang-undang syariah dalam menilai dan memilih saksi, pemeraksanaan masyarakat melalui program pendidikan dan kesedaran untuk menghapuskan stigma salah dan pengekaluan kuasa budi bicara hakim bicara membuat keputusan penerimaan keterangan daripada saksi tohmah dan saksi bukan Islam. Kesimpulannya, penulisan ini menegaskan bahawa Mahkamah Syariah beradaptasi dengan perubahan sosial semasa dan sama sekali tidak mendiskriminasi mana-mana saksi atas faktor kekeluargaan atau agama.

Kata Kunci: Keterangan lisan, kesaksian, saksi tohmah, saksi bukan Islam, bayyinah

Pengenalan

Para fuqaha sepakat berpendapat bahawa kesaksian melalui *syahadah* merupakan kaedah pembuktian yang tertinggi selepas iqrar. Ketertinggian kesaksian *syahadah* menurut prinsip hukum syarak tersebut juga dijadikan panduan kepada undang-undang yang digunapakai dalam Akta dan Enakmen-enakmen keterangan syariah di Malaysia. Namun, syarat-syarat yang mesti dipenuhi untuk sesuatu kesaksian mencapai tahap *syahadah* begitu tegas. Hal ini dapat dilihat melalui rujukan kepada seksyen 83(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 2004 (setelah ini dirujuk sebagai “**EKMSS 2004**”) yang menegaskan bahawa terdapat enam syarat saksi yang mesti dipenuhi agar kesaksiannya diterima sebagai *syahadah* iaitu saksi mestilah beragama Islam, ‘aqil, baligh, ‘adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka. Sekiranya saksi yang dikemukakan untuk memberikan kesaksiannya di Mahkamah Syariah tidak menepati kesaksian-kesaksian tersebut maka, kesaksiannya adalah jatuh kepada tahap *bayyinah* sahaja.

Pengkaji melihat konsep *syahadah* tersebut bersifat ketat dan sukar untuk dipenuhi dalam keadaan semasa sedangkan sistem kehakiman Islam sangat menitikberatkan konsep keadilan selari dengan dalil Allah SWT seperti berikut:

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu

mendorong kamu untuk tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

(Al-Maidah 5: 8)

Kesulitan mencari saksi yang menepati syarat-syarat *syahadah* akan mendatangkan kemudharatan dan ketidakadilan dalam memutuskan suatu kes apabila fakta kes menunjukkan tidak ada saksi lain yang boleh diperolehi. Sebagai usaha menyesuaikan perubahan semasa, Mahkamah Syariah kini dari segi amalannya meraikan kesaksian *bayyinah* dengan membenarkan saksi-saksi tanpa mengira jantina, agama mahupun pertalian dengan pihak-pihak yang bertikai untuk tampil memberikan kesaksian mereka. Kesannya, pengamal undang-undang syariah kini dalam mengendalikan kes mereka berpegang kepada prinsip '*bawa siapa sahaja saksi selebihnya terpulang kepada hakim dan terpulang kepada pihak lawan untuk pertikai*' (Azizah Mohd Rapini, 2018).

Oleh hal yang demikian, penulisan ini akan memberi fokus kepada kesaksian saksi-saksi yang tidak menepati syarat-syarat *syahadah* yang cenderung mendapat kritikan mengenai kredibiliti mereka sebagai saksi dan kebolehterimaan kesaksian mereka dalam prosiding Mahkamah Syariah, khususnya saksi tohmah dan saksi bukan Islam bagi melihat pendekatan Mahkamah Syariah dalam memutuskan kes-kes yang melibatkan kesaksian saksi-saksi tersebut.

Sorotan Literatur

Konsep Pembuktian dan Kepentingannya

Pembuktian merupakan elemen yang amat signifikan dalam sesuatu prosiding perbicaraan kerana ia menjadi asas kepada penentuan kebenaran dan keadilan oleh mahkamah. Perkataan bukti ditakrifkan sebagai keterangan yang nyata, tanda kebenaran atau dalil yang menyokong sesuatu kenyataan atau dakwaan. Dalam istilah perundangan Islam, pembuktian disebut sebagai *ithbat*, iaitu tindakan mengemukakan dalil di hadapan hakim bagi menuntut sesuatu hak atau mempertahankan hak sedia ada (Muhammad Rawwas, 1983). Pembuktian yang dikemukakan dalam sesuatu perbicaraan perlu dilakukan secara teratur dan menurut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang agar dapat diterima oleh mahkamah sebagai bukti yang sah (Suhaizad, Ruzian & Mohd. Munzil, 2019).

Sekiranya sesuatu pembuktian tidak dikemukakan mengikut kaedah atau saluran yang diperuntukkan, ia boleh dianggap tidak sah dan seterusnya ditolak oleh mahkamah. Ini kerana kaedah pembuktian merujuk kepada mekanisme atau instrumen yang digunakan untuk membuktikan kesalahan atau tuntutan dalam sesuatu kes. Dalam perbahasan undang-undang, kaedah ini juga dikenali sebagai cara pembuktian, saluran pembuktian, atau mekanisme pembuktian. Islam turut memberikan penekanan yang mendalam terhadap prinsip dan kaedah pembuktian melalui perbahasan ilmiah yang terperinci dalam disiplin *fiqh al-ithbat* (Suhaizad Saifuddin, Hanifah Haydar, Mohamad Azhan Yahya, Mohamad Rizal & Fatimah Yusro, 2024).

Undang-undang keterangan Islam di Malaysia dibentuk melalui proses perundangan yang unik, menggabungkan prinsip *fiqh al-ithbat* (pembuktian Islam) dengan struktur perundangan moden seperti Akta Keterangan 1950. Pendekatan ini memastikan keharmonian antara prinsip tradisional Islam dan keperluan kontemporari, dengan objektif utama memastikan keterangan

yang dikemukakan adalah sah, berautoriti, dan adil (Suhaizad, Mohd Zamre, Fatimah Yusro, Pg Ismail Pg Musa & Abdul Jamil, 2025). Kepentingan pembuktian turut digariskan dalam peranan Undang-undang Keterangan yang bertujuan menyeragamkan tatacara penerimaan bukti, mengurangkan kekeliruan prosedur, serta menjamin keadilan kepada pihak yang terlibat. Pembuktian yang kukuh membantu hakim menentukan kesalahan atau tidak bersalahnya seseorang tertuduh berdasarkan tahap keyakinan dan kebenaran fakta yang dibuktikan. Tanpa kerangka pembuktian yang jelas, keputusan mahkamah berisiko dipengaruhi oleh andaian atau bukti tidak sah, sekali gus menjejaskan kredibiliti sistem kehakiman Syariah (Suhaizad, Fatimah Yusro, Mohd Zamre & Asma Hakimah, 2025).

Oleh itu, setiap individu Muslim khususnya yang terlibat dalam bidang perundangan perlu memahami asas-asas pembuktian ini, sama ada yang berpaksikan prinsip Islam mahupun yang diperuntukkan dalam undang-undang sedia ada, bagi memastikan proses keadilan dapat ditegakkan secara menyeluruh dan beretika.

Konsep Kesaksian Menurut Hukum Syarak

Kesaksian merujuk kepada pernyataan seseorang yang dibuat di hadapan hakim atau pihak berkuasa, bertujuan untuk membuktikan atau menyangkal sesuatu fakta dalam kes tertentu. Menurut Al-Zuhayli (2002), kesaksian ialah persaksian lisan yang diberikan oleh seseorang yang berkelayakan di hadapan hakim, dengan tujuan untuk mengesahkan kebenaran suatu fakta atau hak, sejajar dengan syariat Islam. Kesaksian ini bertujuan memastikan keadilan berdasarkan prinsip-prinsip Islam, seperti yang digariskan dalam al-Quran dan hadis.

Dalil pensyariatan kesaksian sebagai salah satu kaedah pembuktian dapat dilihat dengan merujuk kepada al-Quran dan hadis. Dalam surah An-Nisaa', ayat 135 dan surah Al-Baqarah, ayat 282, Allah SWT berfirman:

Maksudnya: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. ... Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."

(An-Nisaa' 4: 135)

Maksudnya: "dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, ... Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi"

(Al-Baqarah 2: 282)

Bagi dalil hadis, Riwayat Al-Bukhari dalam Kitab Al-Mazalim, telah diriwayatkan daripada Ibn Abbas RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada Ibn Abbas:

Maksudnya: "Kamu lihat matahari itu?" Lelaki itu menjawab: "Ya." Baginda bersabda: "Jika kamu melihat seperti itu (jelas), jadilah saksi. Jika tidak, jangan!"

(Riwayat Al-Bukhari No. 2442)

Secara umumnya, syarak menetapkan beberapa syarat untuk melayakkan seseorang menjadi saksi. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

- a. **Saksi Beragama Islam:** Seseorang saksi itu hendaklah seorang muslim dan pendapat Imam al-Shafi'i serta ulama besar dalam Mazhab ini tidak menerima kesaksian bukan Islam (Ruzman Md. Noor, 2008). Syarat saksi beragama Islam adalah berdasarkan kepada beberapa ayat al-Quran, iaitu surah Al-Baqarah, ayat 282 surah Al-Talaq, ayat 2.
- b. **Mukallaf (Baligh dan Berakal):** Para ulama bersepakat untuk tidak menerima kesaksian orang gila dan begitu juga dengan kanak-kanak yang belum mumaiyiz. Walau bagaimanapun, para ulama berselisih pendapat sama ada kanak-kanak mumaiyiz layak memberikan kesaksian atau tidak. Menurut pendapat jumhur ulama, kanak-kanak mumaiyiz tidak layak memberikan al-syahadah berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 282 (Wan Abdul Fattah dan Zulfakar Ramlee, 2021).
- c. **Lelaki dan Adil:** Syarat ini adalah berdasarkan kepada surah Al-Talaq, ayat 2.
- d. **Dhabit (Daya Ingatan yang Kuat):** Seseorang saksi yang memberikan kesaksian mestilah seorang yang mempunyai daya ingatan yang baik (Zulfakar Ramlee, 2015). Bagi syarat ini, ia merujuk kepada hadis hasan yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Baihaqi dan lainnya, iaitu *"dijelaskan bahawa terangkat dari umatku akan perkara yang terkhalaf, terlupa serta apa yang dipaksakan ke atasnya"*.
- e. **Merdeka:** Syarat merdeka adalah berdasarkan kepada dalil surah Al-Nahl, ayat 75: *"Allah memberikan satu misal perbandingan: Seorang hamba abdi yang menjadi milik orang, yang tidak berkuasa melakukan dengan bebasnya sesuatupun dan seorang lagi (yang merdeka) ..., adakah kedua orang itu sama?"*
- f. **Berupaya untuk Bertutur dan Melihat:** Mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hanbali mensyaratkan bahawa saksi mestilah orang yang boleh bercakap dan bukan seorang yang bisu. Para ulama berselisih pendapat tentang penerimaan kesaksian daripada orang buta. Menurut Mazhab Hanafi dan Syafi'i, penglihatan merupakan syarat saksi dan al-syahadah daripada orang buta tidak boleh diterima berdasarkan surah Fatir, ayat 19: *"Dan tidaklah sama orang buta dengan orang yang boleh melihat"* (Wan Abdul Fattah dan Zulfakar Ramlee, 2021).
- g. **Tiada Tohmah:** Tohmah merupakan satu istilah yang berasal dari perkataan Arab yang bermaksud prasangka atau kesamaran dalam hati (Azizah Mohd Rapini dan Ruzman Bin Md. Noor, 2017). Merujuk surah Al-Baqarah, ayat 282, ayat ini menekankan pentingnya saksi yang dipercayai (redha) dan tidak fasik. Selain itu, surah An-Nisa, ayat 135 menyatakan bahawa *"Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu orang yang benar-benar menegakkan keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu..."*
- h. **Cukup Bilangan Saksi:** Bilangan saksi yang diperlukan adalah berbeza mengikut jenis kes. Secara umumnya, terdapat tiga kumpulan bilangan saksi yang perlu iaitu:
 - **4 Orang Saksi** - Bilangan saksi dalam kes zina menghendaki empat orang saksi lelaki untuk memberikan keterangan sebelum hukuman disabitkan seperti dalam surah al-Nisa', Ayat 15 (Azizah Mohd Rapini dan Ruzman Md Noor, 2016).

- **3 Orang Saksi** - Bagi kes harta seperti jual beli dan gadaian, bilangan saksi ialah seorang saksi lelaki dan dua saksi perempuan. Kenyataan ini disepakati empat mazhab yang muktabar berdasarkan kepada firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 282 (Wan Abdul Fattah dan Zulfakar Ramlee, 2021).
- **2 Orang Saksi** - Bagi kes hudud tidak termasuk zina seperti mencuri dan minum arak dan qisas, tiada khilaf dalam kalangan ulama bahawa bilangan saksi hendaklah disaksikan sekurang-kurangnya oleh dua saksi lelaki yang adil berdasarkan surah al-Baqarah, ayat 282 (Azizah Mohd Rapini dan Ruzman Bin Md, 2017). Bagi kes selain daripada kes hudud, qisas dan harta seperti nikah dan cerai, menurut jumhur dalam Mazhab Syafi'i dan Hanbali hendaklah disaksikan oleh dua saksi lelaki.

Perbincangan

Konsep Kesaksian Menurut Undang-undang

Keterangan lisan merangkumi apa-apa pernyataan yang dibuat oleh saksi di mahkamah mengenai fakta yang dilihat, didengar atau diperhatikan secara langsung. Undang-undang yang mengawal dan memperuntukkan mengenai keterangan lisan dalam Mahkamah Syariah di Malaysia adalah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Akta bagi wilayah persekutuan). Enakmen ini digubal oleh setiap negeri di Malaysia untuk memastikan penerimaan dan penilaian keterangan saksi adalah teratur dan mematuhi kehendak undang-undang Syariah. Walaupun setiap negeri mempunyai enakmen yang tersendiri, peruntukan di dalamnya adalah hampir serupa antara satu sama lain.

Di bawah EKMSS 2004, “saksi” ditafsirkan sebagai pihak-pihak yang tidak termasuk plaintif, defendan dan orang tertuduh. Di bawah enakmen yang sama pada Bahagian II, Bab 2 adalah berkaitan Keterangan Lisan iaitu seksyen 46, pembuktian fakta dengan keterangan lisan dan seksyen 47, keterangan lisan mestilah secara langsung, manakala Bahagian III, Bab 2 pula ada berkaitan Saksi. Dalam tajuk Saksi, enakmen keterangan mahkamah Syariah membezakan antara keterangan di tahap *syahadah* atau *bayyinah*. Perbezaan ketara antara keterangan lisan saksi *syahadah* dan keterangan lisan saksi *bayyinah* ialah *syahadah* adalah mengikat dan merupakan keterangan lisan saksi yang terbaik, sebaliknya keterangan lisan saksi *bayyinah* adalah tidak mengikat. Seksyen 83 EKMSS 2004 memberi penjelasan siapa yang boleh memberi keterangan sebagai saksi.

Berdasarkan pembacaan seksyen 83 tersebut, satu keterangan lisan saksi ialah *syahadah* apabila ia memenuhi semua syarat-syarat kesaksian oleh syarak seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian Konsep Kesaksian Menurut Hukum Syarak di atas. Sekiranya syarat-syarat itu tidak dipenuhi, maka suatu keterangan lisan saksi hanyalah di peringkat *bayyinah* sahaja. Selain itu, peruntukan seksyen 83 juga jelas bahawa keterangan lisan saksi bukan Islam hanyalah *bayyinah* sahaja dan tidak boleh sampai kepada *syahadah*. Peruntukan seksyen 83 EKMSS 2004 adalah seperti berikut:

“Siapa yang boleh memberikan keterangan sebagai saksi

83. (1) *Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan syahadah atau Bayyinah sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah ‘aqil, baligh, adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.*

Huraian—Seseorang Islam adalah disifatkan ‘adil jika dia menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan

diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil.

- (2) *Seorang yang bukan Islam adalah kompeten untuk memberikan Bayyinah untuk orang Islam jika keterangannya boleh diterima mengikut Hukum Syarak.*

Huraian—Bayyinah seorang pakar bukan Islam terhadap seorang Islam boleh diterima, jika dikehendaki.

- (3) *Seseorang yang tidak ‘adil ialah kompeten untuk memberikan Bayyinah tetapi tidak kompeten memberi syahadah.*

- (4) *Seseorang yang belum baligh atau seseorang yang tak sempurna akal ialah kompeten untuk memberikan Bayyinah tetapi tidak kompeten memberikan syahadah.*

Huraian—Bayyinah seorang orang belum dewasa dalam kes kecederaan yang dilakukan oleh beberapa orang-orang belum dewasa ke atas yang lain boleh diterima dengan syarat bahawa antara mereka tidak perselisihan faham dan mereka berada di tempat kejadian itu.

- (5) *Seseorang yang mempunyai ingatan yang lemah atau yang pelupa atau mengidap hilang ingatan adalah kompeten untuk memberikan Bayyinah tetapi tidak kompeten untuk memberikan syahadah.*

- (6) *Seseorang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan baiknya dengan dan mempunyai kepentingan dengan pihak menentang adalah kompeten untuk memberikan Bayyinah tetapi tidak kompeten untuk memberikan syahadah.*

- (7) *Seseorang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan buruknya dengan pihak menentang adalah kompeten untuk memberikan Bayyinah tetapi tidak kompeten untuk memberikan syahadah.”*

Syahadah, dari sudut bahasa bermaksud hadir atau datang, manakala dari sudut istilah, menurut Mazhab Syafi’i ialah perkhabaran mengenai hak seseorang ke atas seseorang yang lain dengan menggunakan lafaz ‘asyhadu. Seksyen 3(1) EKMSS 2004 mendefinisikan *syahadah* sebagai apa-apa keterangan yang diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafaz “asyhadu” untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan. *Bayyinah* pula, dari sudut bahasa bermaksud tanda, jelas, terang dan nyata, manakala dari sudut istilah bermaksud keterangan atau bukti. EKMSS 2004 tidak memberi tafsiran mengenai definisi *Bayyinah* tapi jika merujuk kepada seksyen 3(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, *Bayyinah* didefinisikan sebagai keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*.

Tambahan lagi, walaupun tiada peruntukan khusus mengenai kesaksian yang ada tohmah, Mahkamah Syariah tidak akan menerima kesaksian tersebut sebagai *syahadah* seperti yang telah diputuskan dalam kes *Nik Mansor bin Nik Ali lwn Tuan Hafsa binti Tuan Man [1427H/2006M] JH XXI Bhg. II hlm. 240*, dengan merujuk kepada hadis “*Tidak diterima al-syahadah saksi yang diragui, tuhmah ...*”, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan telah menolak keterangan tiga saksi berkenaan.

Bagi tujuan penulisan ini sendiri, kebolehterimaan *bayyinah* saksi tohmah suami, isteri, ibu bapa dan anak dapat dilihat melalui peruntukan seksyen 85 yang dibaca bersama dengan

seksyen 83(6) EKMSS 2004. Kebolehterimaan *bayyinah* saksi bukan Islam pula dapat dilihat di bawah seksyen 83(2) EKMSS 2004.

Di samping itu, terdapat Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) No. 3 Tahun 2019 berkaitan dengan panduan dan format bagi penyediaan penyata keterangan plaintif, defendan dan saksi secara bertulis sebagai alternatif kepada keterangan lisan di Mahkamah Syariah. Arahan ini, bagi kes-kes mal yang melibatkan tuntutan atau saman selain daripada kes permohonan, plaintif, defendan dan saksi dibenarkan menggunakan penyata keterangan bertulis dengan kebenaran mahkamah. Penyata tersebut hendaklah disahkan dan ditandatangani di hadapan hakim bicara semasa pemeriksaan utama dijalankan. Hakim juga perlu merekodkan bahawa semua pihak telah bersetuju untuk menerima penyata bertulis tersebut sebagai keterangan lisan yang sah di bawah peruntukan undang-undang berkaitan Tatacara Mal Mahkamah Syariah. Penyata keterangan ini hendaklah disediakan dalam format soalan dan jawapan serta boleh merujuk kepada dokumen yang terdapat dalam Ikatan Dokumen, sekiranya ada. Format penyediaan penyata keterangan dan Ikatan Dokumen telah ditetapkan masing-masing dalam Lampiran 1 dan Lampiran 2 arahan ini. Selain itu, penyata keterangan yang belum ditandatangani bersama Ikatan Dokumen perlu diserahkan kepada pihak lawan selewat-lewatnya lima hari sebelum tarikh perbicaraan atau dalam tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah. Arahan ini turut memperuntukkan bahawa pihak-pihak masih boleh memberikan keterangan secara lisan sebagai tambahan atau penjelasan kepada penyata keterangan bertulis dan dokumen yang dikemukakan.

Analisis Kes Kebolehterimaan Keterangan Lisan Mahkamah Syariah

Saksi Tohmah

(a) Aion bte Abdul Aziz v Roslan bin Abdul Rashid [2006] 4 SHLR 88

Plaintif dan Defendan telah berkahwin pada 3 Februari 2001 dan telah sah bercerai pada 4 Februari 2002. Perceraian ini berlaku akibat pelanggaran syarat ta'liq yang telah ditetapkan oleh Defendan, di mana Defendan telah menetapkan bahawa talaq satu akan jatuh sekiranya Plaintif datang ke kem tentera tempat Defendan bertugas. Oleh itu, Plaintif memfailkan tuntutan mut'ah berjumlah RM30,000 di Mahkamah Rendah Hulu Langat terhadap Defendan. Plaintif yang merupakan isteri kedua Defendan mendakwa dirinya mengalami kesulitan sepanjang tempoh berkahwin termasuklah Defendan hanya pulang ke rumahnya hanya 19 hari akibat ketiadaan perbincangan dan jadual giliran bermalam yang tetap antara isteri-isteri, Plaintif tinggal di rumah sewa sedangkan Defendan tinggal di kem tentera, dan Defendan tidak menanggung kos perubatan mahupun menjaga Plaintif yang sakit selepas mengalami keguguran.

Dalam menentukan kadar mut'ah yang layak diberikan kepada Plaintif, Defendan telah memanggil seorang saksi iaitu isteri pertamanya (setelah ini dirujuk sebagai “SD1”) untuk memberikan keterangan mengenai tanggungan bulanan Defendan dalam meyakinkan Mahkamah bahawa Defendan tidak mampu membayar jumlah mut'ah yang dituntut oleh Plaintif tetapi Defendan mampu memberikan tawaran mut'ah kepada Plaintif berjumlah RM3000. Isu yang menjadi persoalan adalah sama ada keterangan SD1 boleh diterima oleh Mahkamah kerana seksyen 85(3) Enakmen Keterangan Syariah Selangor 1996 (setelah ini dirujuk sebagai “EKSS”) secara jelas memperuntukkan:

“Keterangan seorang suami bagi isterinya dan keterangan isteri bagi suaminya boleh diterima sebagai bayyinah.”

Mahkamah menjelaskan EKSS mengklasifikasikan keterangan pihak-pihak sebagai *syahadah* atau *bayyinah* namun tiada penjelasan mengenai perbezaan keduanya dari sudut kesannya sebagai rujukan mahkamah. Mahkamah berpendapat jika keterangan saksi tarafnya adalah *syahadah*, hakim hendaklah atau terikat untuk menerima keterangan tersebut manakala jika keterangan saksi yang tarafnya *bayyinah* sahaja, hakim tidak terikat untuk menerima keterangan tersebut dan memiliki budi bicara untuk menentukan sama ada keterangan tersebut diterima atau ditolak.

SD1 telah memberikan keterangan bahawa SD1 juga membantu Defendan dari segi kewangan setiap bulan kerana pendapatan bulanan Defendan tidak cukup untuk menanggung keperluan hidup lima orang anak, keluarga dan dirinya. Oleh itu, SD1 tidak bersetuju dengan kadar mut'ah yang ditawarkan oleh Defendan kepada Plaintiff kerana Defendan akan memintanya atau meminjam daripada kawan untuk membayar RM3000 tersebut. Berdasarkan keterangan SD1, Mahkamah berpuas hati wujud prasangka atau tohmah yang kuat dalam keterangan SD1 kerana adanya qarinah yang jelas menunjukkan SD1 akan menerima kesan yang negatif sekiranya Mahkamah perintahkan Defendan untuk membayar kadar mut'ah yang tinggi. Sudah semestinya Defendan akan meminta SD1 untuk memberikannya wang untuk membayar mut'ah kepada Plaintiff. Mahkamah dalam menggunakan budi bicaranya dalam mempertimbangkan keterangan SD1, membuat rujukan kepada seksyen 83(6) EKSS mengenai syarat-syarat saksi yang memperuntukkan:

“Seseorang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan baiknya dengan dan mempunyai kepentingan dalam pihak yang menentang adalah kompeten untuk memberikan bayyinah tetapi tidak kompeten untuk memberikan syahadah.”

Daripada peruntukan tersebut, Mahkamah menjelaskan bahawa jika wujud unsur prasangka atau tohmah, maka taraf kesaksian saksi adalah *bayyinah* sahaja. Mahkamah berpuas hati bahawa keterangan SD1 statusnya adalah *bayyinah* dan wujud tohmah yang kuat dalam keterangan SD1 yang sudah pasti SD1 akan menyokong keterangan Defendan mengenai fakta tanggungan bulanan dan ketidakmampuan Defendan untuk membayar kadar mut'ah sebesar RM30,000 yang dituntut oleh Plaintiff. Mahkamah menolak keterangan SD1 akibat tohmah tersebut, tetapi berpuas hati bahawa Defendan telah berjaya membuktikan ketidakmampuannya untuk membayar jumlah mut'ah yang dituntut oleh Plaintiff dengan bergantung sepenuhnya dengan keterangan dokumentar salinan resit-resit tanggungan bulanan yang dikemukakan yang merangkumi kos sara hidup dirinya, keluarga dan anak-anaknya. Sebaliknya, Plaintiff yang memikul beban pembuktian di bawah seksyen 77 EKSS untuk membuktikan kemampuan Defendan membayar mut'ah sesuai jumlah yang dituntut olehnya, telah gagal mengemukakan sebarang keterangan untuk menyokong hujahnya. Mahkamah kemudiannya memerintahkan Defendan untuk membayar mut'ah berjumlah RM3,000 sahaja kepada Plaintiff.

Kesimpulan yang didapati daripada kes ini adalah isteri dibenarkan untuk memberikan keterangan di Mahkamah untuk menyokong hujah suaminya. Namun, keterangan isteri tersebut hanyalah pada tahap *bayyinah* sahaja, maka Mahkamah tidak terikat untuk menerima keterangan tersebut dan Hakim Bicara sendiri memiliki budi bicara dalam menentukan kebolehterimaan keterangan si isteri itu. Justeru, apabila Hakim Bicara melihat adanya tohmah yang jelas dalam keterangan si isteri yang menjejaskan kredibilitinya sebagai saksi, Mahkamah akan menolak keterangan *bayyinah* tersebut.

(b) Zakaria @ Supar bin Ali v Haznah @ Maznah bt Embong [2011] 2 SHLR 12

Kes ini merupakan kes semakan yang diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu oleh Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan Yang Amat Arif Ismail Yahya atas

keputusan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang bagi permohonan pengesahan lafaz cerai yang difailkan oleh Pemohon pada tahun 2016. Hakim Bicara telah mensabitkan telah berlaku perceraian di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah antara Pemohon dan Responden secara talaq tiga (bain kubra) akibat lafaz yang diucapkan oleh Pemohon “*tak pe, aku cerai mung tiga talaq*” pada 27 Oktober 2006 selepas berlaku pergaduhan antara Pemohon dengan Responden dan anak-anak mereka. Sabitan tersebut dibuat selepas mengambilkira lafaz talaq dan iqrar Pemohon sendiri serta keterangan tiga orang saksi yang mendengar Pemohon melafazkan talaq kepada Responden. Berdasarkan keterangan-keterangan tersebut, Hakim Bicara membuat kesimpulan Pemohon melafazkan talaq tiga dalam keadaan marah tetapi masih dalam keadaan sedar dan Pemohon adalah seorang yang waras sepanjang masa meskipun Pemohon telah mengemukakan laporan perubatan yang menyatakan Pemohon menerima rawatan di klinik psikiatri sejak Ogos 1992 akibat penyakit *organic personality change with depressive illness* yang menyebabkan dirinya mudah marah, terlalu sensitif, hilang kawalan diri, *impulsive* dan berasa was-was. Sebaliknya, Ketua Hakim Syarie berpendapat tindakan Hakim Bicara telah tersalah arah kerana tidak mengambilkira laporan perubatan tersebut dan tidak memanggil saksi pakar untuk mengesahkan keadaan Pemohon semasa melafazkan talaq sama ada Pemohon ketika itu dalam keadaan waras atau tidak.

Saksi-saksi yang dikemukakan adalah anak-anak Pemohon dan Responden yang terdiri daripada 2 orang lelaki dan 1 orang perempuan. Mereka mendengar sendiri Pemohon melafazkan talaq tiga kepada Responden. Oleh itu, kedua-dua mahkamah menerima kesaksian mereka sebagai *bayyinah* yang kuat dan selari dengan kebolehterimaan keterangan anak-anak bagi ibu bapanya di bawah seksyen 85(4) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Tindakan Ketua Hakim Syarie untuk menyemak semula keputusan Hakim Bicara juga adalah berpunca daripada rayuan yang telah difailkan oleh Pemohon terhadap sabitan serta keterangan lisan saksi-saksi tersebut yang ketiga-tiganya memberikan keterangan yang konsisten bahawa semasa lafaz talaq diucapkan, Pemohon dalam keadaan terlalu marah, tertekan dan hilang kawalan diri sehinggakan memukul anak-anaknya akibat pergaduhan yang berlaku. Oleh hal yang demikian, Ketua Hakim Syarie yakin bahawa sewaktu melafazkan talaq, Pemohon diserang dengan penyakitnya yang mengakibatkan dia tidak sedar. Ketua Hakim Syarie juga mendapati Hakim Bicara tidak menyentuh langsung rukun talaq dalam keputusannya sedangkan kesengajaan Pemohon dalam melafazkan talaq adalah satu rukun talaq yang mesti dibuktikan. Berdasarkan kitab Profesor Dr Muhammad Az-Zuhailiy, talaq yang dilafazkan dalam keadaan tidak sedar adalah tidak sah mengikut hukum syarak. Kesannya, Ketua Hakim Syarie memutuskan tidak berlaku perceraian antara Pemohon dan Responden dan sabitan Hakim Bicara dibatalkan.

Daripada kes ini, dapat difahami bahawa meskipun keterangan lisan yang dikemukakan adalah daripada anak-anak diterima hanya sebagai *bayyinah* sahaja namun Mahkamah menerima *bayyinah* tersebut sebagai *bayyinah* yang kuat membuktikan anak-anak tersebut mendengar secara jelas lafaz talaq diucapkan dalam keadaan tidak sedarkan diri dengan disokong dengan keterangan dokumentar yang membuktikan tahap kesihatan mental bapa mereka. Selain itu, didapati tiada unsur prasangka dalam keterangan-keterangan mereka yang menyebabkan keterangan-keterangan tersebut ditolak oleh Mahkamah.

Saksi Bukan Islam

(a) Dalam Perkara Nyonya Binti Tahir, Ex p Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Yang Lain [2006] 1 CLJ (Sya) 335

Kes ini melibatkan permohonan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) untuk menentukan status agama seorang wanita bernama Nyonya binti Tahir semasa kematiannya

pada 18 Januari 2006. Fakta dalam kes ini menunjukkan Nyonya, walaupun dilahirkan dalam keluarga Islam telah berkahwin dengan seorang lelaki bukan Islam pada usia 18 tahun dan hidup mengikut adat Cina termasuklah memakan babi, menyembah Tok Kong dan menganut agama Buddha. Dia juga mempunyai 13 orang anak yang semuanya bukan Islam. Nyonya telah membuat surat akuan rasmi mengisytiharkan dirinya telah keluar dari Islam dan tidak berniat untuk kembali.

Mahkamah Tinggi Syariah dalam kes ini memutuskan bahawa berdasarkan fakta, Nyonya telah keluar daripada Islam melalui perbuatan, percakapan dan iktikadnya. Keputusan ini dibuat selepas mempertimbangkan keterangan dokumen seperti kad pengenalan, surat akuan dan keterangan saksi iaitu anak-anak Nyonya. Mahkamah telah mengesahkan Nyonya bukan lagi seorang Islam semasa kematiannya dan ahli warisnya dibenarkan menguruskan pengkebumian mengikut adat Cina.

Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan mendengar keterangan daripada anak-anak si mati yang kesemuanya bukan Islam untuk menentukan status agama Nyonya binti Tahir pada masa kematiannya. Anak-anaknya memberikan keterangan mengenai cara hidup ibu mereka, amalan keagamaan dan wasiat si mati yang menyatakan hasrat untuk dikebumikan mengikut adat Cina. Mereka juga mengemukakan dokumen dan gambar sebagai bukti sokongan termasuk surat akuan si mati yang menyatakan beliau telah keluar dari agama Islam serta bukti fizikal seperti altar di rumahnya. Oleh itu, walaupun saksi-saksi adalah anak kepada si mati dan mempunyai hubungan darah, mahkamah tidak menganggap hubungan ini menjejaskan kesaksian mereka kerana keterangan mereka disokong oleh bukti lain yang kuat dan bebas daripada percanggahan.

Dalam aspek perundangan tentang kesaksian orang bukan Islam, Mahkamah merujuk kepada seksyen 83 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 yang memperuntukkan bahawa seorang bukan Islam boleh memberikan keterangan *bayyinah* untuk orang Islam jika keterangannya boleh diterima mengikut hukum syarak. Dalam konteks ini, mahkamah menggunakan budi bicara untuk menerima keterangan lisan anak-anak si mati bahawa ibu mereka tidak pernah mengamalkan cara hidup Islam sepanjang hidup mereka. Maklumat yang mereka berikan adalah relevan dan konsisten dengan dokumen lain yang dikemukakan. Mahkamah juga telah menilai keterangan saksi mereka sebagai qarinah yang membantu menentukan status agama si mati.

Kesimpulannya, kes ini menjadi contoh penting bagaimana keterangan saksi bukan Islam boleh memainkan peranan penting dalam menentukan status agama si mati. Namun begitu, walaupun saksi bukan Islam layak memberikan keterangan, mahkamah hanya menerima keterangan tersebut jika ia konsisten, bebas daripada elemen tohmah yang berat dan dapat membantu menyelesaikan persoalan fakta. Mahkamah menggunakan pendekatan inklusif dan adil dengan menerima keterangan saksi bukan Islam yang membantu mencapai keputusan berdasarkan bukti yang kukuh dan konsisten dengan hukum syarak. Kes ini juga menunjukkan bahawa kesaksian saksi bukan Islam boleh diterima oleh Mahkamah Syariah dalam situasi tertentu, selagi mana ia relevan, boleh dipercayai dan mematuhi hukum syarak.

Berdasarkan analisa kedua-dua kes di atas, dapat difahami bahawa saksi-saksi tohmah seperti isteri dan anak-anak dibenarkan untuk memberikan keterangan *bayyinah* bagi suami atau ibu bapa mereka di Mahkamah Syariah. Para Hakim Bicara kemudiannya akan menggunakan budi bicara masing-masing dalam menilai *bayyinah* tersebut dengan mempertimbangkan sama ada wujud unsur prasangka atau tidak sebelum membuat keputusan sama ada *bayyinah* tersebut diterima sebagai rujukan dalam penghakiman atau ditolak.

(b) *Majlis Agama Islam Selangor lwn Nuraini Binti Abdullah [Kes Rayuan No. 10000-043-0047- 2022]*

Kes ini adalah rayuan oleh Majlis Agama Islam Selangor (Perayu) terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam yang mengisytiharkan Nuraini binti Abdullah (Responden) bukan lagi seorang Islam. Responden yang dilahirkan dalam keluarga Hindu telah memeluk Islam pada usia 18 tahun dengan niat berkahwin. Selepas pengislamannya, beliau tidak mengamalkan ajaran Islam, sebaliknya terus menjalani kehidupan mengikut kepercayaan Hindu termasuklah berkahwin di kuil Hindu dan mengamalkan ritual Hindu. Dalam perbicaraan, Responden mengemukakan saksi bukan Islam iaitu ibu, suami dan adiknya untuk menyokong dakwaan bahawa beliau tidak lagi beragama Islam. Perayu pula menegaskan bahawa proses pengislaman Responden telah sempurna mengikut undang-undang.

Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan Syariah telah membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah dan menyatakan bahawa Responden masih seorang Islam kerana proses pengislaman beliau dianggap sah dan kegagalan mengamalkan ajaran Islam tidak secara automatik menyebabkan seseorang keluar daripada Islam.

Dalam aspek perundangan tentang kesaksian orang bukan Islam, Mahkamah Rayuan Syariah menyatakan bahawa walaupun saksi bukan Islam layak memberi kesaksian berdasarkan seksyen 83(2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, keterangan mereka boleh ditolak bergantung kepada kredibiliti saksi, kewujudan tohmah atau keterangan tidak relevan dengan fakta kes. Mahkamah Rayuan Syariah berhati-hati dalam menilai keterangan saksi kerana hubungan darah mereka dengan Responden yang boleh menimbulkan elemen tohmah dan kepentingan. Mahkamah merujuk kes-kes terdahulu seperti *Khalil Ong Abdullah lwn Majlis Agama Islam Selangor (Mais) & Satu Lagi [2017] SLRAU 41*, yang memutuskan bahawa hubungan darah atau kepentingan langsung antara saksi dan pihak dalam kes boleh menjejaskan kebolehpercayaan keterangan. Mahkamah menyimpulkan bahawa saksi-saksi Responden mempunyai kepentingan peribadi yang mempengaruhi objektiviti mereka.

Selain itu, Mahkamah juga mendapati bahawa kesaksian mereka tidak mencukupi untuk membuktikan Responden telah keluar dari Islam. Mahkamah menegaskan bahawa kegagalan seseorang untuk mengamalkan ajaran Islam selepas memeluk agama ini tidak secara automatik menyebabkan terbatalnya akidah. Amalan dosa atau kehidupan yang tidak selari dengan ajaran Islam seperti meminum minuman haram atau menyambut perayaan agama lain hanya menjadikan individu itu berdosa tetapi tidak murtad secara hukum. Dalam kes ini juga, Perayu berjaya membuktikan bahawa proses pengislaman Responden memenuhi kehendak undang-undang termasuk lafaz *syahadah*. Keterangan pegawai agama dan dokumen pendaftaran menyokong kesahihan proses tersebut. Responden pula gagal membuktikan sebaliknya. Kes ini menunjukkan bahawa penerimaan keterangan saksi bukan Islam dalam Mahkamah Syariah bergantung pada relevansi, kredibiliti dan ketiadaan elemen tohmah. Mahkamah juga mengutamakan bukti dokumen dan keterangan langsung yang lebih objektif dalam menentukan isu akidah.

Kesimpulannya, keterangan saksi bukan Islam mesti mencapai standard pembuktian tertentu untuk diterima, iaitu mesti relevan, konsisten dan menyokong dakwaan secara jelas. Dalam kes ini, Mahkamah mendapati keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi Responden tidak memenuhi standard ini kerana kurangnya bukti dokumentasi atau sokongan lain yang kukuh. Kes ini memberikan panduan penting bahawa saksi bukan Islam layak memberikan keterangan dalam Mahkamah Syariah, tetapi penerimaan keterangan bergantung kepada kredibiliti dan ketiadaan elemen tohmah. Hakim berhak menolak keterangan saksi bukan Islam jika

keterangan itu tidak mencukupi atau terjejas oleh faktor tohmah. Keputusan Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes ini menegaskan keperluan untuk menilai keterangan saksi bukan Islam secara teliti, terutamanya dalam kes-kes sensitif seperti isu akidah. Walaupun saksi bukan Islam layak memberikan keterangan, penerimaan keterangan mereka tidak bersifat mutlak, dan mahkamah mesti memastikan keterangan tersebut bebas daripada elemen tohmah dan mencapai standard pembuktian yang mencukupi.

Secara keseluruhannya, pendekatan kedua-dua kes ini, *Dalam Perkara Nyonya Binti Tahir, Ex p Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Yang Lain* dan *Majlis Agama Islam Selangor lwn Nuraini Binti Abdullah* mencerminkan bagaimana Mahkamah Syariah menilai kesaksian orang bukan Islam berdasarkan konteks kes. Kes Nyonya binti Tahir menunjukkan penerimaan keterangan lisan orang bukan Islam jika konsisten dengan bukti sokongan yang lain, manakala kes Nuraini Binti Abdullah menekankan keperluan untuk bukti tambahan dan penilaian kritikal terhadap elemen tohmah. Kedua-dua kes ini memberikan panduan penting dalam mengimbangi relevansi, kredibiliti dan keadilan dalam penerimaan keterangan bukan Islam di Mahkamah Syariah.

Isu dan Cadangan Penambahbaikan

Pengkaji mendapati beberapa isu yang timbul berhubung dengan kesaksian lisan saksi di Mahkamah Syariah. Isu pertama berkaitan dengan pemakaian lafaz “*asyhadu*” sebelum saksi memberikan kesaksian. Takrif undang-undang kepada istilah *syahadah* adalah seragam di semua negeri termasuk seksyen 3 EKMSS 2004 iaitu keterangan yang diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafaz “*asyhadu*” untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan. Dapat difahami daripada ketetapan undang-undang tersebut bahawa lafaz “*asyhadu*” menjadi salah satu elemen penting kepada keterangan *syahadah*. Walau bagaimanapun, dari segi amalan di Mahkamah Syariah, telah berlaku ketidakseragaman antara negeri-negeri di mana terdapat negeri yang menetapkan agar saksi melafazkan “*asyhadu*” sebelum memulakan kesaksian, manakala terdapat juga negeri yang tidak meletakkan syarat sedemikian secara tegas. Tambahan pula, pengkaji mendapati bahawa tiada sebarang arahan amalan atau peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia mahupun Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri yang mewajibkan agar saksi-saksi memulakan kesaksian mereka dengan lafaz “*asyhadu*” bagi membolehkan keterangan tersebut diterima sebagai *syahadah* oleh hakim syarie. Kesannya, status kesaksian saksi yang tidak mengucapkan lafaz “*asyhadu*” menjadi persoalan sama ada kesaksian mereka diterima sebagai *syahadah* ataupun hanya diterima sebagai *bayyinah* sahaja. Situasi ini berpotensi untuk menyebabkan ketidakadilan apabila suatu keterangan yang memiliki nilai probatif yang tinggi dan sepatutnya diterima sebagai *syahadah* berubah menjadi suatu keterangan *bayyinah* semata-mata hanya disebabkan saksi tidak mengucapkan lafaz “*asyhadu*” sebelum memberikan kesaksian.

Isu kedua adalah berkaitan dengan bilangan saksi yang diperlukan untuk membuktikan sesuatu kes di Mahkamah Syariah. Seksyen 86 EKMSS 2004 telah menggariskan bilangan saksi yang diperlukan adalah berbeza-beza mengikut jenis kes. Peruntukan ini juga memiliki sebuah subseksyen yang bersifat umum iaitu subseksyen (5) bagi merangkumi situasi-situasi yang tidak jatuh di bawah kategori subseksyen (1) hingga (4). Seksyen 86(5) EKMSS 2004 menetapkan bahawa:

“Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.”

Meskipun subsekyen di atas berfungsi untuk memenuhi keperluan peredaran zaman dari segi pembuktian di Mahkamah Syariah namun pengkaji melihat seksyen 86(5) EKMSS 2004 jika diaplikasikan mengikut lunas undang-undang yang sebenar, akan menyusahkan pihak-pihak yang bertikai di Mahkamah Syariah. Hal ini demikian kerana perkataan yang digunakan dalam subseksyen tersebut adalah "*hendaklah*" yang bermaksud syarat yang dinyatakan dalam subseksyen tersebut adalah bersifat mandatori. Oleh hal yang demikian, syarat untuk mengemukakan dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan wajib untuk dipatuhi. Apabila syarat bilangan saksi tersebut tidak dipenuhi, maka kesaksian akan ditolak oleh mahkamah.

Rentetan daripada permasalahan di atas, pengkaji mencadangkan agar suatu pindaan undang-undang dilakukan terhadap seksyen 86(5) EKMSS 2004. Perkataan "*hendaklah*" yang digunakan dalam peruntukan tersebut mestilah dipinda dengan menggunakan perkataan "*bolehlah*" supaya syarat bilangan saksi yang ditetapkan tidak lagi bersifat mandatori. Pindaan yang dicadangkan ini semestinya membawa manfaat besar kepada pihak-pihak yang berdepan dengan kekangan untuk mengemukakan bilangan saksi yang mencukupi sama ada dalam kes jenayah mahupun kes mal agar mereka tetap berpeluang membuktikan tuntutan mereka. Jelaslah bahawa langkah ini penting bagi memberikan keadilan kepada semua pihak dan memastikan kelancaran prosiding kehakiman di Mahkamah Syariah di samping membantu agar undang-undang syariah terus relevan dan responsif terhadap keperluan semasa.

Di samping itu, penulisan ini mencadangkan agar amalan keterangan saksi secara bertulis tidak terhad kepada kes tuntutan sahaja namun diluaskan kepada kes permohonan dan kes jenayah syariah. Keterangan saksi secara bertulis ini dapat meningkatkan kecekapan dan kelancaran proses perbicaraan di Mahkamah Syariah. Melalui penggunaan penyata keterangan secara bertulis, masa perbicaraan dapat dijimatkan kerana hakim dan pihak-pihak yang terlibat sudah boleh meneliti isi kandungan keterangan sebelum sesi berlangsung. Ini secara tidak langsung mengurangkan tempoh soal jawab secara lisan di mahkamah. Selain itu, penyata keterangan yang disusun dalam format soalan dan jawapan menjadikan isi keterangan lebih teratur, jelas dan mudah difahami oleh hakim serta pihak lawan. Amalan ini juga membantu mengurangkan kesilapan atau percanggahan dalam keterangan kerana setiap penyata disediakan lebih awal dengan teliti berbanding keterangan lisan yang diberikan secara spontan. Kelebihan lain ialah penyata bertulis ini memudahkan proses rujukan semula, terutamanya apabila ia disertakan bersama Ikatan Dokumen yang lengkap. Hal ini membolehkan hakim dan peguam meneliti bukti atau fakta dengan lebih cepat dan efisien. Di samping itu, amalan ini turut meningkatkan kecekapan pentadbiran mahkamah kerana proses perbicaraan menjadi lebih tersusun dan mengurangkan penangguhan kes. Selain itu, penyata keterangan bertulis memberi peluang kepada pihak-pihak membuat persediaan awal sebelum hadir ke mahkamah. Mereka dapat memastikan segala maklumat dan bukti yang dikemukakan adalah tepat, relevan dan selaras dengan fakta kes.

Penulisan ini juga mencadangkan agar pengamal undang-undang syariah memainkan peranan dengan lebih proaktif dalam membuat pemilihan dan tapisan saksi-saksi sebelum mengemukakan senarai saksi kepada Mahkamah Syariah. Mereka perlu memastikan bahawa saksi tohmah dan saksi bukan Islam yang dipilih akan membuat kesaksian yang jujur di hadapan Hakim Bicara serta tidak berbohong semata-mata untuk menyebelahi pihak yang diberikan keterangan baginya. Perkara ini efektif dalam membantu mempercepatkan prosiding mahkamah tanpa memerlukan Hakim Bicara memeriksa kredibiliti setiap saksi yang disenaraikan dalam senarai saksi yang panjang. Selain itu, pengamal undang-undang syariah juga dicadangkan agar mengemukakan keterangan-keterangan lain seperti keterangan

dokumentar untuk menyokong *bayyinah* saksi tersebut yang akan menjadikan *bayyinah* yang kuat dalam pertimbangan keputusan Hakim Bicara.

Penulisan ini turut mencadangkan agar program pendidikan dan kesedaran masyarakat diperkasakan bagi menghapuskan kesalahfahaman yang berleluasa mengenai penerimaan keterangan saksi dalam Mahkamah Syariah. Ramai yang masih beranggapan bahawa keterangan individu bukan Islam secara automatik ditolak semata-mata disebabkan faktor agama mereka dan bahawa saksi yang mempunyai hubungan kekeluargaan rapat dengan pihak yang bertikai tidak boleh diterima kesaksiannya kerana dikhuatiri akan bersikap berat sebelah.

Dari segi amalan perundangan, pengkaji mencadangkan agar Hakim Bicara terus diberikan kebebasan dalam menggunakan budi bicaranya untuk membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak kesaksian saksi tohmah dan saksi bukan Islam memandangkan fakta kes adalah berbeza-beza. Hal ini demikian kerana sebarang undang-undang atau garis panduan yang bersifat *rigid* hanya akan menyulitkan tugas Hakim Bicara untuk membuat keputusan yang adil kepada semua pihak dan melambatkan perjalanan prosiding kehakiman.

Kesimpulan

Kesimpulannya, keterangan lisan saksi di Mahkamah Syariah amat penting dalam membantu para Hakim Bicara dalam membuat keputusan yang adil bagi semua pihak. Selain itu, dapatan penulisan ini menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah menggunakan pendekatan bersifat fleksibel dalam meraikan saksi-saksi yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertikai serta tidak *rigid* menghadkan saksi-saksi yang boleh memberikan kesaksian terhadap kepada saksi-saksi yang memenuhi syarat-syarat *syahadah* sahaja. Pengkaji mendapati bahawa undang-undang keterangan yang sedia ada juga tidak bersifat diskriminasi terhadap mana-mana pihak, justeru saksi tohmah dan saksi bukan Islam tidak dipinggirkan dalam memberikan kesaksian di Mahkamah Syariah. Meskipun kesaksian mereka hanya mencapai tahap *bayyinah*, pengkaji berpendapat konsep *bayyinah* yang digunapakai di Mahkamah Syariah kini adalah bersesuaian dengan perubahan semasa yang berlaku baik dari segi masa, tempat, dan 'uruf setempat mengikut fakta sesebuah kes.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

Penghargaan

Artikel ini dibiayai oleh Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM melalui program Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP).

Rujukan

Ainon bte Abdul Aziz v Roslan bin Abdul Rashid [2006] 4 SHLR 88.

Al-Zuhayli, W. (2002). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Vol. 5). Dar al-Fikr.

Azizah Mohd Rapini. (2018). Amalan Semasa Pengendalian Saksi di Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal of Muwafaqat*, Vol. 1, No. 2, pp. 75-85.

Dalam Perkara Nyonya Binti Tahir, Ex p Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Yang Lain [2006] 1 CLJ (Sya) 335.

- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 2004.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.
- Khalil Ong Abdullah lwn. Majlis Agama Islam Selangor (Mais) & Satu Lagi [2017] SLRAU 41.
- Majlis Agama Islam Selangor lwn Nuraini Binti Abdullah [Kes Rayuan No. 10000-043-0047-2022].
- Md. Noor, R. (2008). Kedudukan Bayyinah, Syahadah Dan Qarinah Dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Islam Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 16(2), 360.
- Md. Noor, R. (2008). Kesaksian Dalam Konteks Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia: Analisis Dari Perspektif Mazhab Syafi'i. *Jurnal Fiqh*, 5, 160. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/fiqh/article/view/4182>
- Muhammad Rawwas Qan'arji. (1983). *Mausu'ah fiqh Abu Bakar al-Siddiq*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Nik Mansor bin Nik Ali lwn Tuan Hafsah binti Tuan Man [1427H/2006M] JH XXI Bhg. II hlm. 240.
- Ramlee Saad, Z. (2015). Pembuktian Dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu Dan Penyelesaian (Proving Cases in Syariah Courts: Issues and Resolutions). *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 27(1), 128.
- Rapini, A. M., & Md. Noor, R. (2017). Syahadah Dalam Statut Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia: Asas Dan Sumber Perundangan. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(1), 40.
- Rapini, A. M., & Md. Noor, R. (2016). Syahādah Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 1(1), 55.
- Rapini, A. M., & Md. Noor, R. (2017). Prinsip Keadilan Dalam Sistem Kehakiman Islam: Tumpuan Khusus Terhadap Konsep Syahadah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9, 25.
- Saifuddin, S., Mohd Zahir, M. Z., Hashim, F. Y., Pg Musa, P. I., & Jamil, A. (2025). Challenges in the Enforcement of Syariah Criminal Law on Social Media in Malaysia: A Review from the Perspective of Syariah Evidence Law. *Journal of Advanced Research Design*, 145(1), 42–54.
- Saifuddin, S., Ali Tajuddin, H. H., Yahya, M. A., Abd Rahman, M. R., & Hashim, F. Y. (2024). Examining The Application of Standard of Proof in Criminal Cases: A Comparative Analysis of Islamic Law and Common Law in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(1), 11-22. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no1.491>.
- Suhaizad, S., Hashim, F. Y., Mohd Zahir, M. Z., & Ab Halim, A. H. (2025). Enforcement of Sharia criminal offences in cyberspace: Challenges from Malaysian legal perspective. *Prophetic Law Review*, 7(1), 25–46. <https://doi.org/10.20885/PLR.vol7.iss1.art2>.
- Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom and Mohd. Munzil Muhamad. (2019). Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah dan mahkamah sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 1 – 34.

Wan Abdul Fattah, W. I., & Ramlee, Z. (2021). *Kaedah Pembuktian Melalui Al-Syahadah (Kesaksian) Menurut Fiqh & Undang-Undang Keterangan Islam*. Penerbit USIM Universiti Sains Islam Malaysia.

Zakaria @ Supar bin Ali v Haznah @ Maznah bt Embong [2011] 2 SHLR 12.